

# YPEIM, Plus galak umat Islam beramal jariah

**BH** 12 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) bekerjasama dengan Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) bagi menggalakkan umat Islam beramal jariah.

Ketua Pengarahnya, Abdul Malek Awang Kechil berkata, kerjasama itu bertujuan memperluaskan kempen yang dilancarkan 1 Disember lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Kempen itu bukan saja mengajak umat Islam menggunakan skim dilancarkan YPEIM tetapi menyemarakkan amalan bersedekah.

“YPEIM bertanggungjawab menyediakan prasarana mengenai kepentingan beramal jariah di kalangan umat Islam,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan kempen Sebulan Beramal Jariah Peringkat Nasional bersama Plus di Plaza Tol Su-

ngai Besi di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah YPEIM, Mokhtar Abdul Razak dan Pengurus Besar Operasi Plus Malaysia Berhad, Mohd Hazlan Hashim.

Pada majlis itu, kira-kira 10,000 poster dan risalah diedarkan kepada pengguna lebuhraya berkenaan.

Beliau berkata, pelaksanaan skim berkenaan iaitu Skim E-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah memberi peluang umat Islam bersedekah menerusi Internet dan telefon.

Katanya, ketiga-tiga produk itu menjadikan YPEIM antara institusi sosioekonomi terawal memperkenalkan kaedah multimedia, khususnya dalam menggembelng dana masyarakat.

“Pemilihan Plus kerana kepentingannya sebagai aset menyampaikan maklumat penting kepada lebih ramai

masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Abdul Malek berkata, YPEIM menjangka RM10 juta akan disumbangkan oleh umat Islam melalui tiga skim yang diperkenalkan itu.

Katanya, ketiga-tiga skim itu dijangka mendapat sambutan menggalakkan terutama pada Ramadan yang mana umat Islam digalak memperbanyakkan ibadah dan bersedekah.

“Yayasan menjangka empat peratus daripada 1.7 juta pemegang kad kredit di negara ini yang melayari Internet akan memberi sumbangan sekurang-kurangnya RM100 bagi setiap transaksi,” katanya.

Abdul Malek berkata, skim itu dijangka mengumpul RM8 juta setahun dan dua lagi skim yang dilaksanakan dengan kerjasama Maybank dijangka mengumpul RM2 juta setahun.